

METODOLOGI PENULISAN *KITĀB AL-JĀMI'* KARYA IMĀM AL-TURMUDHĪ: TUMPUAN KEPADA MERIWAYAT HADITH DALAM BAB TERTENTU

Oleh:
Ahamad Asmadi Bin Sakat

Abstract

The article discusses the methodology of Imām al-Turmudhī in his Kitāb al-Jāmi' for narrating hadiths and the use of specific symbols to indicate cross-references.

PENDAHULUAN

Imam al-Turmudhī* atau nama sebenarnya Muhammad bin ‘Isā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Dahhāk, Abū ‘Isā al-Sulamī al-Darīrī al-Bughī al-Turmudhī merupakan seorang tokoh ahli hadith yang tidak asing bagi umat Islam. Ahli sejarah tidak menjelaskan tarikh kelahirannya secara tepat tetapi sekadar mendariskan di sekitar awal kurun ketiga Hijrah. Walaupun demikian menurut kajian sebahagian *mutakhhirin*,¹ beliau dilahirkan sekitar tahun 207H, kerana kebanyakkan ahli sejarah sepakat mengatakan tarikh kewafatannya pada tahun 279H. Menurut al-Dhahabī beliau wafat ketika berumur sekitar tujuh puluhan. Ini menunjukkan beliau lahir pada tahun 209H.

Beliau mempelajari ilmu hadith daripada guru-guru yang terdapat di negaranya dan guru-guru di Khurasan seperti Ishāq bin Rahūyah,² Muhammad bin ‘Amr al-

* Boleh juga dibaca dengan al-Tirmidhī dan al-Tarmidhī. Lihat Ahamad Asmadi bin Sakat; “Metodologi Imam al-Turmudhī Dalam Kitab Sunannya (Jami’nya): Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Mājah,” Tesis M.A Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998M, hlm. 1-2.

¹ Lihat al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muhammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān, *Siyār a’lām al-Nubālā*, Muassasat al-Risālah, Bayrut, 1410H/1990M, Cet. 7, Juz 13, hlm. 270-271; lihat juga al-Mubarakfūrī, Muhammad ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Rahīm, *Muqadimma Tuhfat al-Ahwādhi bi Sharḥ Jāmi’ al-Turmudhī*, Tahqīq ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Latīf, Dār al-Fikr, t.th. Juz 1, Bab 2, hlm. 335-355; lihat juga Dr. Nūr al-Dīn ‘Itr, *al-Imām al-Turmudhī wa al-Muwazānah Bayna Jāmi’ihī wa Bayna al-Saḥīḥayn*, Muassasat al-Risālah, Bayrut, Cet. 2 1988M, hlm. 21-22.

² Ishāq bin Rahūyah ialah Abū Jafar Muḥammad bin ‘Abd Al-Fahūr bin Ammār al-Azdi al-Baghdādi al-Mukharrimī, wafat pada 242H. Kalimah “Rahūyah” dibaca oleh ahli hadith dengan baris hadapan sebelum huruf *wau*, berbaris mati *wau* dan baris atas huruf *ya* dan *wau*, serta baris mati *ya*’ dan *ha*’. Lihat al-Tahānawī, Zafar Aḥmad al-‘Uthmānī, *Qawa’id fi ‘Ulūm al-Hadīth*, Tahqīq Abū Ghuddah, t.tp., 1392H/1972M, hlm. 131.

Sawwāq.³ Setelah itu beliau terus merantau ke Iraq dan ke Hijaz untuk mendalami ilmu hadith daripada para *huffaz*. Bagaimanapun beliau tidak merantau ke Mesir, Sham⁴ dan Baghdad. Oleh itu hadith yang diterima daripada ulama' negeri-negeri ini adalah secara perantaraan.

Ketokohnanya diperakui secara *ijmak*.⁵ Kewafatan beliau meninggalkan pelbagai hasil karya⁶ dan yang terkenal sekali hingga ke hari ini ialah *Kitāb al-Jāmi'* yang juga dikenali sebagai *Sunan al-Turmudī*. Kitab *Jāmi'* *al-Turmudī* mengandungi dua maksud utama iaitu menerangkan ilmu fiqh dan dalam masa yang sama bertujuan menerangkan *ilal al-hadīh*. Di dalam tulisan ini penulis hanya memfokuskan bagaimana metodologi kitab *al-Jāmi'* ketika menyusun hadith dalam bab sahaja, tanpa memberi tumpuan kepada periyawatan hadith secara khusus.

Imam al-Turmudī menggunakan pelbagai kaedah untuk menghimpun hadith-hadith yang boleh dijadikan dalil kepada tajuk-tajuk kitabnya secara keseluruhan serta memilih hadith-hadith tersebut mengikut syarat kitabnya.

Sebenarnya Imam al-Turmudī tidak mengemukakan semua hadith yang dipilih ke dalam *Jāmi'*nya kerana usaha ini akan menghasilkan kandungan yang panjang sedangkan beliau sedaya upaya menggunakan kaedah yang ringkas, mudah serta memberikan manfaat yang banyak.

Dari titik tolak inilah beliau membahagikan kaedah menghimpun hadith-hadith bab dalam kitabnya kepada dua cara dan digunakan kedua-dua cara ini dalam setiap bab daripada bab-bab kitabnya seperti di bawah ini:

- i. Meriwayat hadith-hadith disertai dengan sanad-sanadnya.
- b. Menggunakan isyarat kepada hadith-hadith tertentu yang semakna atau munasabah dengan hadith yang dikemukakan dalam tajuk bab dengan menyebut perawi-perawi hadith daripada kalangan sahabat, seumpama kata Imam al-Turmudī:

"وَفِي الْبَابِ عَنْ فَلَانٍ"

³ Muhammad bin 'Amr al-Sawwāq dianggap sebagai *saduq* dan wafat pada 136H. Lihat 'Abd al-Fattāḥ Abū Guddah, *Arba' Rasā'il fī 'Ulūm al-Hadīh* dalam *al-Mutakallimūn fī al-Rijāl*, Maktabat al-Maṭbū'at al-Islāmiyyah, Halab, hlm. 104.

⁴ al-Dhahabī, *Siyār A'lām al-Nubalā'*, Juz. 13, hlm. 271.

⁵ Lihat al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqād al-Rijāl*, al-Sa'ādah, t.tp., Cet. 2, 1325H, Juz. 3, hlm. 117

⁶ Muhammad Muhammad Abū Zāhu, *al-Hadīh wa al-Muḥaddithūn*, Cet. Dār al-Kitāb al-Arabi, Beirut, Cet. 1984M, hlm. 361.

Bermaksud:

"Dan dalam bab ini (sehubungan dengan bab ini) diriwayatkan juga daripada pulan dan sipulan."

MERIWAYAT HADITH BESERTA DENGAN SANAD-SANADNYA

Cara pertama ini berlaku apabila Imam al-Turmudhī meriwayatkan hadith dalam satu bab berserta *sanadnya*. Kemudian diikuti dengan satu hadith lain atau lebih yang berdasarkan cara mengeluarkan setiap hadith mengikut solat satu kaedah dalam menjelaskan *sanad-sanad* apabila didapati berbilang-bilang seperti berikut:

- a. Mengumpul sanad al-Hadith yang pelbagai dalam satu sanad.

Mula-mula beliau mendatangkan pelbagai *turuq* al-Hadith yang satu. Kemudian disebutkan *turuq* hadith itu kesemuanya dalam satu ungkapan sanad. Cara ini biasanya digunakan ketika martabat para rawi hadith itu sama, serta menyamai riwayat-riwayat mereka dalam bentuk lafaz dan makna. Dalam hal begini Imam al-Turmudhī menghimpunkan kalangan para perawi dalam satu metod. Penghimpunan ini berlaku dengan dua cara samada menggunakan *al-'Atif bayna al-Shuyūkh*⁷ atau *al-Tahwīl*⁸ *bayna al-Asānid*.⁹

- b. Menyebut satu persatu secara teliti *al-Asānid* seraya menyebut matan-matan al-hadith selepas menyebut al-Isnad yang pertama.

Kaedah di atas berlaku apabila Imam al-Turmudhī meriwayatkan hadith berserta dengan sanad dan matannya. Selepas itu beliau menyebut baki *al-Asānid* dan seterusnya beliau mengisyarat kepada matan hadith itu dengan lafaz *mithlahu* atau *nahwahu*. Beliau tidak menyebut matan secara berulang-ulang supaya dapat disusun dengan ringkas.¹⁰

⁷ Ahamad Asmadi bin Sakat, "Metodologi Imam Al-Turmudhī Dalam Kitab Sunannya (*Jāmi'*nya): Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Majah," Tesis M.A. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998M, hlm. 83-91.

⁸ *Al-Tahwīl* ialah perpindahan dari satu isnad ke lain isnad dan ringkasnya ditulis sebagai huruf حـ . Huruf *ha* ini sering ditemui dalam kitab-kitab hadith. Terdapat khilaf memahami maksudnya. Ada yang memberi maksud sahih dan sebahagian mengatakan berasal dari kalimah حـ kerana ianya berpindah di antara dua isnad. Tetapi menurut pendapat yang terpilih cara menyebutnya ialah dengan menyebut *ha'* dan meneruskan bacaan. Lihat Nūr al-Dīn Itr, *Manhaj al-Naqd*, hlm. 238; dan lihat Nūr al-Dīn Itr, *Imam al-Turmudhī wa al-Muwazanah bayna Jāmi'ihi wa bayna al-Sahīhayn*, hlm. 77.

⁹ Ahamad Asmadi bin Sakat, "Metodologi Imam Al-Turmudhī Dalam Kitab Sunannya (*Jāmi'*nya): Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Majah," Tesis M.A. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998M, hlm. 86-91.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 93-95.

- c. Mengasingkan setiap sanad beserta matan secara riwayat.¹¹

Kadang-kadang Imam al-Turmudhi meriwayatkan sesuatu hadith dengan sanad-sanad yang berbilang-bilang. Setiap sanad yang dikemukakannya diikuti dengan matan hadith. Kaedah yang diamalkan akan menghasilkan tujuan-tujuan berikut:¹²

- i. Untuk menzahirkan lafaz-lafaz tambahan yang terdapat dalam matan hadith
- ii. Untuk mengemukakan pencanggahan riwayat di kalangan perawi, berhubung dangan matan hadith.
- iii. Untuk menerangkan ‘*Illah*¹³ yang terdapat dalam hadith.
- d. Menggunakan Isyarat untuk menunjukkan kewujudan hadith yang berkaitan tajuk bab tertentu di sanad lain di kalangan al-Sahabah.

Imam al-Turmudhi dalam banyak keadaan hanya menggunakan isyarat kepada sanad-sanad hadith kerana ianya masyhur dan keadaannya sedia dimaklumi di sisi para ulama’ sebagaimana contoh berikut:

- i. Adakalanya beliau mengeluarkan (menyebut dan memilih) hadith beserta sanadnya dan kemudian beliau menta’liq¹⁴ *turuq* yang lain seterusnya menyebut tempat *istishħād* daripada sanad-sanad yang lain, berbentuk *al-Mutabā’āt*¹⁵ atau sebagainya.¹⁶

¹¹ Makna riwayat di sisi Muḥaddithīn ialah menerima hadith, menyampaikan dan mengisnadkan, kepada orang yang dinisahkan kepadanya dengan salah satu lafazal-*Ada*; lihat Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd*, hlm. 188.

¹² *Ibid.*, hlm. 95.

¹³ ‘*Illah* ialah kecacatan yang menyulitkan lagi halus yang terdapat dalam hadith seterusnya mencacatkan kesahihan hadith sedangkan pada zahirnya tidak berlaku (terselamat); lihat Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd*, hlm. 447.

¹⁴ *Ta’liq* menurut ilmu hadith ialah membuang daripada awal isnad, seorang perawi atau lebih secara berturut walaupun hingga ke akhir isnad.

¹⁵ *Al-Mutabā’āt* ialah lafaz jama’ kepada kalimah *al-Mutabā’āh*: iaitu bilamana seseorang perawi hadith menyamai di atas apa yang diriwayatnya daripada pihak rawi lain. Kemudian ia meriwayatkan daripada gurunya atau orang yang di atasnya. *Al-Mutabā’āh* juga tidak terbatas kepada hadith yang bersamaan dengan lafaz, malah pada makna sahaja boleh diterima tetapi hendaklah diriwayat daripada sahabat yang sama; lihat Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd*, hlm. 418.

¹⁶ Ahamad Asmadi bin Sakat, “Metodologi Imam Al-Turmudhi Dalam Kitab Sunannya (*Jāmi’nya*): Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Majah,” Tesis M.A. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1998M, hlm. 108-109.

- ii. Adakalanya Imam al-Turmudhī mengeluarkan hadith dengan isnadnya serta mengisyaratkan kepada kewujudannya menerusi *turuq* yang lain seperti katanya yang bermaksud: Sesungguhnya diriwayatkan (juga) menerusi pelbagai *turuq* seumpamanya.¹⁷

Imam al-Turmudhī tidak banyak mengeluarkan hadith dalam setiap bab. Hadith-hadith yang telah dikeluarkannya disusun berdasarkan empat keadaan:

- i. Beliau mengeluarkan hadith yang *sahih* daripada seorang sahabat kemudian diiringinya dengan pelbagai hadith daripada sahabat-sahabat yang lain pula dan berkeadaan *sahih* juga, sebagaimana dalam *Bab Solāt* (Sembahyang) *al-Wustā 'Anhā al-'Asr Wa Qad Qīlā 'Anhā al-Zuhr*.

Para ulama' berselisih pendapat mengenai maksud *Solāt al-Wustā*, ada yang mengatakan sembahyang 'Asar dan ada juga mengatakan sebagai sembahyang Zuhur. Dalam bab ini Imam al-Turmudhī telah membuktikan bahawa maksud *Solāt al-Wustā* ialah sembahyang 'Asar. Maka di bawah tajuk bab ini, beliau memulakan dengan hadith daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd daripada Rasul Allah s.a.w. bahawa *Solāt al-Wustā* ialah solat al-'Asr, yang bermartabat *hasan* (lagi) *sahīh*. Setelah itu beliau mengemukakan hadith yang sehubungan dengan tajuk bab tersebut daripada sahabat yang lain iaitu Samurah bin Jundub yang bermartabat *hasan*.¹⁸

- ii. Kadangkala beliau meletakkan hadith *sahīh* di bawah tajuk bab, setelah itu diiringi pula dengan hadith yang tidak *sahīh* sebagaimana dalam bab *Mā Ja'a fi al-'Amāl fi Ayyām al-'Ashr*.

Di bawah bab di atas beliau mengemukakan hadith Ibn 'Abbās beserta matan, beliau pun berkata bahawa hadith Ibn 'Abbās ini *hasan* (lagi) *gharīb* (lagi) *sahīh*. Setelah itu dikemukakan pula hadith *da'iif* yang semakna dengan hadith di atas daripada Abū Hurairah.

Hadith *da'iif* yang dikemukakan di sini adalah untuk memperkuat yang sahīh disebabkan berbilang-bilang sanad, memberi faedah dalam mentarjih hadith dan menaikkan martabat hadith *da'iif* kepada *hasan li Ghayrih* (Hasan di sisi Imam al-Turmudhī).¹⁹

¹⁷ *Ibid*, hlm. 109.

¹⁸ Al-Mubārakfūrī, Muhammad 'Abd al-Rahmān 'Abd al-Rahīm, *Tuhfat al-Ahwādhī bi Sharḥ Jāmi' al-Turmudhī*, Tahqīq 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Latīf, Dār al-Fikr, t.p, t.th., Juz. 1, Bab "Ma Ja'a fi Solah al-Wustā 'Anha al-'Asr Wa Qad Qīlā 'Anha al-Zuhr," hlm. 534-536 (h. 181-182).

¹⁹ al-Mubārakfūrī, *Tuhfat al-Ahwādhī*, Juz. 3, hlm. 463-465.

- iii. Kadang-kadang beliau juga mengeluarkan hadith yang dipertikaikan, kemudian diiringinya pula dengan satu hadith yang *sahih* atau yang lebih *sahih* daripadanya.

Tujuan beliau berbuat demikian ialah untuk menerangkan ‘*Illah al-Hadīth*, sementara hadith *sahih* yang dikeluarkannya selepas menyebut hadith *da’if* atau yang dipertikaikan kesahihannya ialah bertujuan menjadikan hadith *sahih* tadi sebagai *shāhid*²⁰ bagi hadith pertama sekalipun ianya merupakan hadith yang lemah. Misalnya, dalam bab *man sala fi yawm wa al-laylah thintay ashrah rak’ah min al-Sunnah mā lahu min al-fadl*. Di bawah bab di atas beliau mengemukakan hadith ‘A’ishah, yang bersumber daripada tariq al-Mughīrah bin Ziād daripada ‘A’ishah, katanya: Rasul Allah s.a.w. bersabda:

Setelah mengutarakan hadith, beliaupun menjelaskan kedudukan hadith di atas, bahawa hadith ‘A’ishah merupakan hadith gharib menerusi wajah ini (*isnād* ini), sedangkan al-Mughīrah bin Ziād dipertikaikan hafalannya oleh sebahagian ulama’. Dengan keterangan dan ucapan Imam al-Turmudhi di atas ini maka jelas membuktikan keda’ifan hadith yang pertama. Setelah hadith pertama dikemukakan, diiringi pula dengan hadith ‘Anbasah bin Abū Sufyān daripada Umm Ḥabībah katanya, Nabi s.a.w. bersabda:

Man ... kemudian beliau mengemukakan hadith tersebut sepertimana hadith ‘A’ishah, sambil mengulas bahawa hadith ‘Anbasah daripada Umm Ḥabībah dalam bab di atas merupakan hadith *hasan sahīh* dan diriwayatkan daripada ‘Anbasah daripada pelbagai wajah (*isnād*).²¹

- iv. Kadang-kadang terdapat juga hadith *da’if* yang dikemukakan di bawah bab sebagai hadith yang pertama, kemudian diikuti dengan hadith yang *da’if* serupa dengan hadith pertama seperti dalam bab zakat lembu.

Di awalnya Imam al-Turmudhi berkata bahawa Muḥammad bin ‘Ubayd al-Muhrabī dan Abū Sa’id al-Ashājj berkata: ‘Abd al-Salām bin Ḥarb daripada Khusayf daripada Abū ‘Ubaydah daripada ‘Abd Allāh Ibn Mas’ūd daripada Nabi s.a.w. bersabda ... kemudian beliau menyebutkan matan hadith hingga akhirnya.

²⁰ Makna *al-Shāhid* (jama’nya ialah *al-Shawāhid*) ialah hadith yang diriwayat menerusi sahabat lain, yang menyerupai hadith yang disangkakan riwayat secara bersendirian, samada pesamaan dari sudut lafadz dan makna atau pada makna sahaja; lihat Nur al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd*, hlm. 418.

²¹ *Ibid.*, Juz. 2, hlm. 465-468.

Hadith tadi dihukumkan sebagai *da'if* kerana menurut Imam al-Turmudhī Abū 'Ubaydah bin 'Abd Allāh tidak mendengar daripada bapanya satu hadith pun.

Kemudian beliau menyebut hadith Sufyān daripada al-A'māsh daripada Abū Wā'il daripada Masrūq daripada Mu'ādh bin Jabal berkata ia, Nabi s.a.w. telah mengutusku ke negeri Yaman dan menyuruhku ... (lalu beliau menyebut *matan* hadith hingga akhirnya). Setelah itu Imam al-Turmudhī berkata: "Hadith kedua ini dianggap sebagai hadith *hasan*."²²

Menurut kaedah, hadith kedua ini merupakan hadith *munqati'* kerana Masrūq tidak mendengarnya daripada Mu'ādh bin Jabal tetapi hadith kedua ini sepatutnya dihukumkan sebagai *da'if* seperti hadith pertama juga, tetapi hadith kedua ini dikuatkan dengan hadith sebelumnya, maka naiklah martabat kepada *hasan li ghayrih* kerana keseluruhan riwayatnya. Oleh itu wajarlah Imam al-Turmudhī menghukumnya sebagai hadith *hasan*.

Menerusi hasil kajian di atas, penulis merumuskan bahawa kaedah yang digunakan oleh Imam al-Turmudhī dalam meriwayatkan hadith dalam bab tertentu meninggalkan ilmu yang baru kepada kita dan membuktikan kecekapan beliau dalam menggabungkan dua tujuan penulisan kitabnya iaitu mengemukakan hukum hakam di samping *'ilal al-hadīth*. Kedua-dua tujuan ini dikemukakannya secara serentak ketika mengemukakan tajuk-tajuk kitab.

MENGGUNAKAN ISYARAT KEPADA HADITH-HADITH TERTENTU YANG SEMAKNA ATAU MUNASABAH DENGAN HADITH YANG DIKEMUKAKAN DALAM TAJUK BAB

Kaedah di atas merupakan keistimewaan kitabnya kerana kegigihannya mengumpul serta menguasai sunnah Rasul Allah s.a.w. secara ringkas tetapi padat. Oleh itu pengkaji kitab *Jāmi'*nya akan menemui bagaimana Imam al-Turmudhī hanya mengemukakan satu atau dua hadith sahaja dalam kebanyakan bab-bab yang dikemukakannya.

Dengan cara isyarat kepada hadith-hadith yang bersifat ringkas ini, membolehkan beliau menguasai sebahagian besar hadith iaitu dengan menyebut nama periyat di kalangan sahabat terhadap satu hadith dalam satu-satu tajuk yang sehubungan dengan matan hadith yang terdapat pada bab seperti *Mā Ja'a Idhā Istayqazā Ahadukum min Naumihi Falā Yaghmis Yadahu fi al-Inā' Hatta Yaghṣiluhā*.²³

²² *Ibid.*, Juz. 3, Bab "Mā Ja'a fi Zakāt al-Baqar," hlm. 256-258, (h. 618-619).

²³ *Ibid.*, Juz. 1, hlm. 109-111 (h. 24).

Dalam bab di atas ini Imam al-Turmudhi telah mengeluarkan hadith yang bersumber daripada Abū Hurairah r.a. sebagaimana di bawah ini:

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
إِذَا اسْتَيقَظَ أَحَدُكُمْ مِنِ اللَّيلِ فَلَا يَدْخُلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ
حَتَّى يَفْرَغَ عَلَيْهَا مَرْتَنٌ أَوْ ثَلَاثَةٌ، فَإِنَّهُ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَ
يَدَهُ "²⁴

Setelah menyebut hadith di atas daripada awal hingga akhirnya, beliau pun berkata:

وَفِي الْبَابِ عَنْ عُمَرَ وَجَابِرَ وَعَائِشَةَ ²⁵

Teknik yang dikemukakannya di atas ini, bertujuan mengisyaratkan kewujudan hadith yang sehubungan dengan bab kitabnya.

Kaedah terbaru yang dinukilkan ini memberikan sumbangan yang amat besar kepada para pembaca dan pengkaji terutama para ulama' kerana metod tersebut menjimatkan masa penyelidikan.

MAKSUD AL-TURMUDHI KETIKA MENYEBUT *WA FĪ AL-BĀB ‘AN FULĀN WA FULĀN*

Terdapat pendapat yang mengatakan maksud ibarat di atas, bahawa hadith yang dikemukakan itu diriwayatkan daripada sahabat-sahabat tertentu yang disebutnya. Pendapat ini dianggap solat kerana Imam al-Turmudhi berkata *wa fi al-bab* bukan *wa fi al-hadīth*. Metod isyarat hadith-hadith bab ini berlaku tidak kira samada bab tersebut mempunyai tajuk atau tidak. Oleh itu, maksud ibarat beliau berhubung ibarat *wa fi al-bab ‘an Fulān wa Fulān* ialah: "Keseluruhan hadith yang dikemukakan adalah layak disebut di bawah tajuk bab itu, samada berkaitan dengan lafaz hadith yang diriwayatkan atau sebahagian sahaja daripada permasalahan. Walau bagaimana pun hadith yang diutarakannya menyokong hadith bab itu."²⁶

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*, hlm. 111.

²⁶ al-Qāsimī, Muhammad Jamāl al-Dīn, *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn Mustalah al-Hadīth*, Dār al-Kutub al-Islamiyyah, Bayrut, Cet. 1, 1399H/1978M, hlm. 212.

Menerusi metod ini, maka terserlah *shawāhid* bagi hadith yang dikemuka-kannya. Terdapat juga faedah lain dalam mengisyaratkan hadith bab iaitu sebagai peringatan ke atas hadith-hadith yang tidak dikemukakannya. Oleh itu beliau jarang sekali mengulangi hadith yang pernah disebutnya dalam bab-bab tertentu, malahan memadai dengan memberi isyarat kepada hadith yang lain.

TEKNIK IMAM AL-TURMUDHĪ MENGGUNAKAN ISYARAT KEPADA HADITH-HADITH BAB

Terdapat pelbagai teknik yang digunakan oleh Imam al-Turmudhī ketika mengisyarat hadith-hadith yang *warid* dalam sesuatu bab. Beliau membahagikan martabat (*ratbah*) hadith-hadith yang diriwayatkan dan di antara hadith yang berbentuk isyarat seperti di bawah ini:

- i. Pada kebiasaannya beliau memilih dan mengemukakan hadith *sahīh* dan masyhur untuk dijadikan sebagai hukum dalam permasalahan bab tertentu. Setelah itu barulah beliau mengisyaratkan kewujudan permasalahan bab ini menerusi pelbagai hadith (sumber), sebagaimana katanya، *وَفِي الْبَابِ عَنْ (فَلَانَ) عَنْ فَلَانَ* dalam bab *idhā ‘amma ahadukum al-Nās falyukhaffif*. Dalam bab ini beliau mengemukakan hadith Abū Hurairah r.a. dari awal hingga akhir dan berkata:

"*وَفِي الْبَابِ عَنْ عَدَىٰ بْنِ حَاتَمٍ وَأَنْسٍ وَجَابِرَ بْنَ سَمْرَةَ*"

وَمَالِكَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ وَأَبِي وَاقِدٍ وَعُثْمَانَ بْنَ أَبِي العاصِ وَأَبِي

مَسْعُودٍ وَجَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ وَابْنَ عَبَّاسٍ"²⁷

Bermaksud:

"Dan layak juga disebut di bawah tajuk bab ini hadith yang bersumber daripada 'Adī bin Hātim, Ānas, Jābir bin Samurah, Mālik bin 'Abd Allāh, Abū Wāqid, 'Uthmān bin Abū al-'As, Abū Mas'ūd, Jābir bin 'Abd Allāh dan Ibn 'Abbās."

²⁷ al-Mubārakfūrī, *Tuhfat al-Ahwādhi*, Juz. 2, hlm. 35-36. Terdapat salah cetak iaitu gugur kalimah Abū pada kalimah 'Uthmān bin Abū al-'As tetapi terdapat dalam syarah.

- ii. Kadangkala Imam al-Turmudī sengaja tidak menyebut hadith yang masyhur yang warid daripada sahabat Nabi s.a.w. sedangkan *tariq* hadith yang sampai kepadanya *sahīh* dan hadithnya pula disebut dalam kitab-kitab *sahīh*. Beliau tidak mengeluarkan hadith tersebut kerana hadith tersebut dianggap masyhur dan dikenali kesahihannya. Dalam keadaan ini beliau mengutarakan hukum fiqh dalam bab tersebut daripada hadith sahabat Nabi yang lain, yang tidak disebut oleh pengarang kitab-kitab *sahīh* berhubung hadithnya. *Tariq* hadith yang disebutnya pula tidak seperti *tariq* yang pertama, namun martabat hadith tersebut masih dihukumkan *sahīh*, kemudian disusuli dengan teknik menggunakan isyarat kepada hadith-hadith bab sepetimana biasa iaitu:

"وَفِي الْبَابِ عَنْ فَلَانَ عَنْ فَلَانَ"

Dalam teknik ini beliau membilang jamaah *rāwī al-a'lā* yang di dalamnya terdapat sahabat-sahabat yang masyhur. Beliau berbuat demikian kerana hadith yang munasabah dengan bab tersebut pernah dikeluarkannya sebelum ini. Oleh itu tidak disebutnya hadith tersebut di bawah bab tersebut untuk mengelakkan pengulangan dan seterusnya memberi faedah baru dengan menyebut hadith lain, seperti dalam bab *Mā Jā'a Anna al-Sawm li Ru'yat al-Hilāl wa al-Iftār Lahu*:

"حَدَّثَنَا قَتِيْبَةُ أَخْبَرَنَا أَبُو الْأَحْوَصَ سَمَّاْكَ بْنَ حَرْبَ عَنْ حَرْبٍ عَنْ عَكْرَمَةَ عَنْ أَبْنَ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ "لَا تَصُومُوا قَبْلَ رَمَضَانَ، صُومُوا لِرَؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرَؤْيَتِهِ ... إِلَى آخِرِ الْحَدِيثِ وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي هَرِيرَةَ وَأَبِي بَكْرَةَ وَابْنِ عُمَرَ قَالَ أَبُو عَيْسَى حَدِيثُ أَبْنِ عَبَّاسٍ حَدِيثُ "حَسْنٍ صَحِيحٍ" وَقَدْ رُوِيَ عَنْ غَيْرِ وَجْهٍ".²⁸

²⁸ *Ibid.*, Juz. 3, hlm. 369-370.

Bermaksud:

"Menceritakan kepada kami oleh Qutaybah (katanya), menghabarkan kepada kami oleh Abū al-Ahwās daripada Simak bin Harb daripada Ikrimah daripada Ibnu 'Abbās katanya: "Rasul Allah s.a.w. telah bersabda, "Janganlah kamu berpuasa sebelum Ramadhan. Berpuasalah kamu sewaktu melihatnya (anak bulan) dan berbuka puasalah kamu ketika melihatnya (anak bulan) ... hingga akhir hadith".

Setelah mengemukakan hadith yang bersumber daripada Ibnu 'Abbās di bawah bab *anīna al-sawm li ru'yat al-Hilāl wa al-Iftār lahu*, disusuli pula dengan teknik yang tersebut di atas yang bermaksud:

"Dalam bab ini diriwayatkan juga daripada Abū Hurairah, Abū Bakrah dan Ibnu 'Umar. Kemudian beliau menjelaskan lagi bahawa hadith Ibnu 'Abbās yang dikemukakannya di bawah bab tersebut adalah *ḥasan saḥīḥ* dan katanya lagi sesungguhnya diriwayatkan daripada pelbagai *turuq* seumpamanya".

Ketiga-tiga hadith yang bersumber daripada Abū Hurayrah, Abū Bakrah dan Ibnu 'Umar di atas ada disebut oleh Imam al-Bukhari dan Muslim di dalam kitab *Saḥīhnya*.²⁹

Menurut al-Mubārakfūrī, hadith bab tersebut yang bersumber daripada Ibnu 'Abbās yang dikategorikan oleh Imam al-Turmudhī sebagai *Hasan* (lagi) *Saḥīh* itu juga, ada disebut oleh Imam Ahmad dan al-Nasā'i dalam kitab mereka.³⁰

- iii. Adakalanya juga ditemui, bahawa Imam al-Turmudhī mengemukakan dalam bab tertentu dengan hadith *da'i* atau kurang martabatnya sedangkan terdapat di sana hadith yang *saḥīḥ*. Hadith yang *saḥīḥ* tidak dikemukakannya di bawah bab tertentu, tetapi disebut secara isyarat beserta metodnya dalam isyarat iaitu, **وَفِي الْبَابِ** seperti dalam bab *Mā Jā'a fī Tahrīm al-Ṣolāh wa Tahliluhā*:

"حَدَّثَنَا سَفِيَّانُ بْنُ وَكِيعٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فَضْلٍ عَنْ أَبِي
سَفِيَّانَ طَرِيفَ السَّعْدِيِّ عَنْ أَبِي نَضْرَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ
قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَفْتَاحُ الصَّلَاةِ
الظَّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَخْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ وَلَا صَلَاةٌ لِمَنْ

²⁹ *Ibid.*, hlm. 370.

³⁰ *Ibid.*

لَمْ يَقْرَأْ بِالْحَمْدِ وَسُورَةً فِي فَرِيضَةٍ أَوْ غَيْرِهَا قَالَ أَبُو عَيسَى: "هَذَا حَدِيثُ حَسْنٍ" وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلَى وَعَائِشَةَ وَحْدَيْثُ عَلَى بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَحَدُ إِسْنَادِهِ وَأَصَحُّ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ... إِلَى آخِرِ كَلَامِهِ".³¹

Dalam bab di atas beliau mengeluarkan hadith yang bersumber daripada Abū Sa'īd yang dianggap *sanadnya* lemah kerana terdapat Tarīf al-Sa'd.

Setelah menyebut hadith yang bersanad di atas, beliau mengiringinya pula metod isyaratnya kepada hadith-hadith bab, yang bermaksud:

"Dalam bab ini diriwayatkan juga daripada 'Alī. Adapun hadith daripada Sayidina 'Alī menurut beliau lebih baik sanadnya dan lebih *sahīh sanadnya* daripada hadith bab tersebut di atas yang bersumber daripada Abū Sa'īd. Manakala hadith daripada 'A'ishah pula, dikemukakan oleh Imam Muslim dalam *Sahīhnya*.

Sebagai ulasan bolehlah disimpulkan bahawa metod mengemukakan hadith *da'iñ* atau lebih lemah dalam bab-bab tertentu tidak menjatuhkan *kethiqahan* Imam al-Turmudī sebagai seorang ilmuan terbilang, sedangkan terdapat hadith *sahīh* kerana beliau juga menyebut hadith yang *sahīh* walaupun secara isyarat.

Langkah yang diterokai di atas akan membantu para pengkaji dalam memperkuatkan hadith bab-bab tertentu itu, menerusi *al-Mutāba'āt*, *al-Shawāhid* dan *al-Tarjīh* di kalangan hadith-hadith.

Melalui metod di atas juga, sekiranya terdapat percanggahan, maka cara beliau ialah dengan mengemukakan hadith yang mengandungi percanggahan seterusnya mengulas di mana tempat yang mengandungi *shadh* dan *munkar* secara jelas.

MEMANFAATKAN ISYARAT AL-TURMUDHĪ KEPADA HADITH-HADITH

Untuk memanfaatkan isyarat al-Turmudhī kepada hadith-hadith (iaitu pada ungkapan beliau، وَفِي الْبَابِ عَنْ فَلَانٍ وَفَلَانٍ)، bukanlah satu perkara yang mudah. Para pembaca dan pengkaji harus melalui pelbagai masalah kerana memerlukan banyak rujukan. Memandangkan peri pentingnya hadith-hadith yang terdapat dalam isyarat al-Turmudhī kepada hadith-hadith, maka para ulama' bertungkus lumus untuk menerangkan dan mengisyaratkan *Jāmi'* al-Turmudhī sebagaimana mereka

³¹ *Ibid.*, Juz. 2, hlm. 38-41, (h. 238).

³² Lihat Nūr al-Dīn 'Itr, *al-Imām al-Turmudhī wa al-Muwāzanaḥ bayna Jāmi'ihi wa banya al-Sahīhain*, Cetakan ke 2, Bayrut: Muassasat al-Risalah. 1988M, hlm. 115.

mensyaratkan kitab-kitab lain, di antaranya Fath al-Dīn bin Sayyid al-Nās dan disempurnakan tugas ini oleh ‘Abd al-Rahīm bin al-Ḥussin al-‘Irāqī. Kedua-dua ulama ini telah mengemukakan hadith-hadith Imam al-Turmudhī yang bersanad, yang *mūallaq* dan seterusnya terhadap hadith-hadith Imam al-Turmudhī berhubung hadith yang tidak diisyaratkan. Maka lahirlah daripada kitab tersebut sebuah kitab yang lengkap dengan sejarah daripada pelbagai sudut ilmiah seperti *Takhrij* hadith-hadith (mengemukakan/mengeluarkan hadith-hadith secara bersanad) al-Turmudhī serta perbahasan mengenainya. Tetapi malangnya kitab karangan ulama’ di atas dan lainnya tidak dapat ditemui atau ditemui sebahagian daripadanya sahaja.³²

Walaupun demikian terdapat juga beberapa rujukan yang agak mudah diperolehi untuk mengenali hadith-hadith yang berbentuk isyarat dalam kitab-kitab al-Turmudhī seperti di bawah ini:

- i. *Al-Musnad* karya Imām Ahmad bin Ḥanbal. Metod penyusunnya adalah mengikut nama-nama sahabat. Berhubung masalah ikhtilaf pula pengkaji akan mengetahui samada ikhtilaf tersebut berupa penambahan serta kekurangan atau berbentuk *tabāyyun* (khilaf yang mempunyai perbezaan yang jauh).
- ii. *Al-Sunan al-Kubrā* karya Imām al-Bayhaqī.
- iii. *Majma’ al-Zawā’id* dan *Manba’ al-Fawā’id* oleh al-Ḥafiz Nūr al-Dīn ‘Alī Ibū Bakr al-Haithamī yang wafat pada tahun 207H.
- iv. *Al-Talkhīs al-Kabīr* karya Ibū Hajar yang mengandungi *takhrij* hadith-hadith kitab al-Rafi’i al-Kabir dalam fiqh Imam al-Shāfi’i.
- v. *Nasb al-Rāyah fī Takhrij Aḥadīth al-Hidāyah* oleh Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf al-Zaylā’i. Beliau menyebut *takhrij* hadith dalam kitab al-Hidāyah yang ada kaitannya dengan tajuk bab serta menyokong mazhab Hanafi serta mereka yang tidak sependapat dengan mereka. Beliau juga tidak ketinggalan menyebut hadith-hadith yang ditakhrijnya berserta *sanad* dan *matan*nya sekali.
- vi. *Al-Kutub al-Sittah*. Untuk mengambil istifadah hadith yang terdapat dalam kitab ini dengan mudah pengkaji boleh merujuk kepada kitab *Jāmi’ al-Uṣūl* oleh Ibū al-Aṭīr.³³

³³ Kitāb *Jāmi’ al-Uṣūl* mengandungi kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*, *Sunan Abū Dawūd*, *Jāmi’ al-Turmudhī*, *Sunan al-Naṣā’i* dan *Muwatta’* oleh Imam Malik; lihat Dr. ‘Abd al-Mawjud Muḥammad ‘Abd al-Latīf, *Kashf al-Lithām ‘an Asrār Hadīth Sayyid al-Anām s.a.w*, Maktabat al-Azhar, al-Qāhirah, 1404H/1984M, Juz. 1, hlm. 404.

KESIMPULAN

Dalam usaha meriwayat dan menyusun bab dalam kitab *al-Jāmi'*, Imam al-Turmudī berpegang kepada dua cara iaitu meriwayatkan hadith-hadith disertai dengan sanad-sanad, dan menggunakan isyarat kepada hadith-hadith tertentu yang semakna atau munasabah.

Kaedah pertama di atas, pada kebiasaannya digunakannya apabila beliau meriwayatkan hadith beserta sanadnya dan diikuti dengan satu hadith lain atau lebih, dan sekiranya sanad-sanad didapati berbilang-bilang maka cara beliau memilih salah satu kaedah berikut:

- i. Mengumpul sanad al-Hadith yang pelbagai dalam satu bab.
- ii. Menyebut satu persatu secara teliti *al-Asānīd* dan menyebut matan-matan hadith selepas menyebut *al-Isnad* yang pertama.
- iii. Mengasingkan setiap sanad beserta matan secara riwayat.
- iv. Menggunakan isyarat untuk menunjukkan isnad hadith.

Manakala hadith-hadith yang dikeluarkannya dalam setiap bab disusunkan mengikut empat keadaan berikut:

- i. Beliau mengemukakan hadith *sahīh* kemudian disusuli hadith *sahīh* yang lain
- ii. Mengemukakan hadith *sahīh* kemudian disusuli dengan hadith *da’īf*
- iii. Mengemukakan hadith *da’īf* kemudian disusuli pula dengan hadith *sahīh*
- iv. Mengemukakan hadith *da’īf* dan disusuli pula dengan hadith *da’īf* yang lain

Menerusi empat cara di atas pembaca akan menerima *shawāhid* dan *mutāba’āt*. Menerusi *shawāhid* pengkaji kitab akan menemui persamaan lafaz hadith dan penambahan lafaz manakala menerusi *mutāba’āt*nya pula akan terkuatnya hadith *da’īf* yang lain dan seterusnya naik martabatnya kepada *hasan li ghayrih* yang mana dinamakan sebagai hadith *hasan* di sisi Imam al-Turmudī.

Akhirnya penulis merumuskan bahawa kaedah yang digunakan oleh Imam al-Turmudī dalam meriwayatkan hadith dalam bab tertentu meninggalkan ilmu yang baru kepada kita dan membuktikan kecekapan beliau dalam menggabungkan dua tujuan penulisan kitabnya iaitu mengemukakan hukum-hakam di samping ‘*ilal al-Hadīth*. Kedua-dua tujuan ini dikemukakannya secara serentak ketika mengemukakan tajuk-tajuk bab.